

Dhanabalan: Asean tidak suka meminta2 bantuan

SINGAPURA, Khamis
ASEAN sama sekali tidak menganggap dialognya dengan negara-negara pekongsi ketiga sebagai peluang untuk meminta bantuan kerana ia bukan pihak yang suka meminta-minta.

Ketika menegaskan demikian, Menteri Luar Singapura, Encik S. Dhanabalan berkata, ASEAN juga tidak

menganggap rakan pekongsi ketiganya sebagai kumpulan negara yang mempunyai sumber-sumber berlebihan.

Berucap dalam upacara pembukaan dialog antara para Menteri Luar ASEAN dengan rakan sejawat mereka dari negara-negara pekongsi ketiga di sini hari ini, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN berkata:

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"Kami tidak menganggap dialog ini sebagai tempat untuk meminta bantuan kerana ASEAN tidak suka meminta-minta. Kami juga tidak menganggap rakan-rakan pekongsi ketiga ASEAN sebagai sekumpulan negara yang mempunyai sumber berlebihan.

"Bagaimanapun, ini merupakan satu kesempatan bagi ASEAN untuk mengkaji semula keadaan ekonomi antarabangsa dengan rakan-rakan pekongsi ketiganya."

Australia, Kanada, Jepun dan New Zealand diwakili oleh para Menteri Luar masing-masing dalam dialog tersebut. Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) diwakili oleh Menteri Luar Belgium yang juga Presiden Majlis Menteri-menteri Masyarakat Eropah, Encik Leo-Clement Tindemans.

Mengulangi

Amerika Syarikat pula diwakili oleh Timbalan Setiausaha Negaranya, Encik Walter Stoessel. Setiausaha Negara, Encik Alexander Haig tidak dapat hadir kerana menghadiri rundingan mengenai bidang ketenteraan dengan Soviet Union.

Encik Dhanabalan mengulangi pentingnya negara-negara maju menghentikan tumpuan ke arah dasar perlindungan dagangan dalam usaha membetulkan keadaan ekonomi dunia masa kini yang tidak stabil.

Mengenai krisis Kampuchea, beliau berkata ia bukan hanya menjadi masalah kepada ASEAN sahaja.

"Ia merupakan satu masalah yang lebih besar kepada Vietnam dan jika terdapat sebarang kebuntuan, ia adalah kebuntuan kepada Vietnam dalam usahanya untuk mendapatkan penghormatan dari masyarakat antarabangsa.

"Tindakan Vietnam di Kampuchea akan terus dikutuk oleh masyarakat antarabangsa dan ASEAN akan terus menentang pendudukan Vietnam di Phnom Penh selaras dengan berbagai ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu," tambahnya.

Sementara itu, dialog tersebut dijangka memberi tumpuan terhadap soal kemudahan pasaran, perkapalan, tenaga, pemindahan teknologi dan berbagai masalah ekonomi antarabangsa yang lain.